

## PRAKTIS 25 Imbuan Awalan dan Akhiran

Buku Teks M.S. 35, 90, 138

Tandakan (✓) pada ayat yang menggunakan imbuan yang betul. SP 5.3.1

### CONTOH

- (a) Pada hujung minggu, Nadia menjadi penyanyi di majlis kenduri kahwin. ( ✓ )  
(b) Pada hujung minggu, Nadia menjadi nyanyian di majlis kenduri kahwin. ( )

- (a) Menara Maybank itu merupakan hasil pereka arkitek terkenal. ( )  
(b) Menara Maybank itu merupakan hasil rekaan arkitek terkenal. ( )
- (a) Sulaiman bercita-cita untuk menjadi ternakan yang berjaya. ( )  
(b) Sulaiman bercita-cita untuk menjadi penternak yang berjaya. ( )
- (a) Rajesh berjaya mendapat tempat kedua dalam pertandingan itu. ( )  
(b) Rajesh berjaya mendapat tempat pendua dalam pertandingan itu. ( )
- (a) Pemuda itu terlepas daripada hukuman kerana pihak pedakwa gagal mengemukakan bukti kukuh. ( )  
(b) Pemuda itu terlepas daripada hukuman kerana pihak pendakwa gagal mengemukakan bukti kukuh. ( )

## PRAKTIS 26 Imbuan Awalan dan Akhiran

Buku Teks M.S. 35, 90, 138

Bubuh imbuan awalan **peN-**, **pe-**, **peR-**, awalan ke atau akhiran **-an** pada kata-kata yang berhuruf tebal untuk melengkapkan ayat. SP 5.3.1

### CONTOH

Karang novel itu menyelitkan unsur jenaka dalam penulisannya.

Pengarang

- Meskipun kami berkawan baik, kami mempunyai **dapat** yang berbeza tentang **kebanjiran pendatang** asing ke negara ini.
- Harvinder berasa gembira kerana **dapat** bertemu dengan **sampai** radio yang **diminatinya** selama ini.
- Pihak polis memburu **bekas kasih mangsa** yang **dipercayai** telah melarikan diri.
- Encik Haris akan **mengambil tindak** terhadap **mana-mana** pekerjanya yang **mempunyai** masalah disiplin.
- Sikap Puan Tan yang **mesra** itu menyebabkan **restorannya** tidak putus-putus **menerima** kehadiran **langgan**.

## PRAKTIS 23 Imbuan Awalan dan Akhiran

Buku Teks M.S. 35, 90, 138

Gariskan imbuan yang paling sesuai bagi ayat di bawah ini. SP 5.3.1

### CONTOH

Nama (pesakit/penyakit) yang baru tiba tadi ialah Cheng Lai Ming.

1. Kursus itu dikendalikan oleh tenaga (pelajar/pengajar) yang berpengalaman.
2. Sejak kematian ayahnya, Asyraf menjadi (pesara/penyara) keluarganya.
3. Pemuda itu mula berubah sikap setelah mendapat (petunjuk/penunjuk) daripada Tuhan.
4. Umi menggunakan (persalin/penyalin) untuk membuat salinan nota itu.
5. Para (peserta/penyerta) diminta untuk mendaftarkan diri di meja pendaftaran.

## PRAKTIS 24 Imbuan Awalan dan Akhiran

Buku Teks M.S. 35, 90, 138

Berikan imbuan awalan **peN-**, **pe-**, **peR-**, awalan **ke** atau akhiran **-an** pada kata-kata di dalam kurungan. Kemudian, isikan kata tersebut pada tempat kosong yang disediakan. SP 5.3.1

### CONTOH

Para penduduk Taman Galaksi berkumpul di padang rekreasi sejak pagi tadi. (duduk)

1. Di puncak gunung itu terdapat beberapa orang \_\_\_\_\_ (tapa)
2. Encik Lim memperoleh bekalan barang runcit daripada \_\_\_\_\_ (borong)
3. Memang susah untuk mengajak dia berbual kerana dia sangat \_\_\_\_\_ (malu)
4. Cikgu Shena memberikan \_\_\_\_\_ kepada murid-muridnya untuk disiapkan pada cuti sekolah nanti. (tugas)
5. Murid-murid sekolah itu mengadakan \_\_\_\_\_ ke pusat pembuatan batik. (lawat)
6. Norman ingin memenuhi \_\_\_\_\_ ibu bapanya yang ingin menunaikan haji ke Mekah. (hendak)
7. Tiga orang \_\_\_\_\_ gunung itu berjaya tiba di puncak Gunung Kinabalu setelah menempuh pelbagai cabaran. (daki)
8. Golongan \_\_\_\_\_ diingatkan supaya berhati-hati ketika membeli barang runcit di pasar raya. (guna)